



MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Takzim atau Warganegara Malaysia yang telah bermastautin di Johor selama 5 tahun atau lebih yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Majlis Daerah Simpang Renggam.

A. NAMA JAWATAN

Bil	Jawatan	Gred	Kekosongan	Kumpulan Perkhidmatan	Jadual Gaji (Minimum - Maksimum
1	Penolong Pegawai Penilaian	W32	1 (Tetap)	Pelaksana	RM2,848.00 – RM6,259.00
2	Pembantu Kesihatan Awam	U19	1 (Tetap)	Pelaksana	RM1,360.00 – RM4,052.00
3	Pembantu Tadbir (PO)	N19	1 (Tetap)	Pelaksana	RM1,352.00 – RM4,003.00
4	Pembantu Awam	H11	2 (Tetap)	Pelaksana	RM1,218.00 – RM2,939.00
5	Pembantu Penguat Kuasa	KP19	2 (Kontrak)	Pelaksana	RM1,360.00 – RM4,052.00



**MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM
86200 SIMPANG RENGAM, JOHOR.**

JAWATAN 1 - PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN W32

1. (a) Skim Perkhidmatan : Penolong Pegawai Penilaian
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
(d) Gred Jawatan : W32

2. JADUAL GAJI

Jadual Gaji

Minimum	RM 2,848.00
Maksimum	RM 6,259.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM 155.00
Elaun Tetap Perumahan	RM 300.00
Elaun Tetap Khidmat Awam	RM 160.00

3. SYARAT LANTIKAN

1. Penolong Pegawai Penilaian Gred W29 adalah layak di pertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 yang kosong apabila telah :
- a) disahkan dalam perkhidmatan
 - b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan tiga (3) tahun berturut-turut atas gred jawatan hakiki
 - c) diperakukan oleh Ketua Jabatan
 - d) bebas dari tindakan atau hukuman tatatertib
 - e) telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa
 - f) bebas dari senarai Peminjam Pendidikan Tegar; dan
 - g) Lulus Tapisan Keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

5. TARAF JAWATAN : **TETAP**

JAWATAN 2 - PEMBANTU KESIHATAN AWAM U19

1. (a) Skim Perkhidmatan : Pembantu Kesihatan Awam
 (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan dan Kesihatan
 (d) Gred Jawatan : U 19

2. JADUAL GAJI

Jadual Gaji

Minimum	RM 1,360.00
Maksimum	RM 4,052.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM 100.00
Elaun Tetap Perumahan	RM 300.00
Elaun Tetap Khidmat Awam	RM 115.00

3. SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) warganegara Malaysia
 (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
 (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)

(Gaji permulaan ialah pada Gred U19 : RM 1,360.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred U19 : RM1,418.12); atau

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
5. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN : Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan , apabila telah disahkan

dalam perkhidmatan dan;

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas ; dan

(b) Had umur pelantikan :

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun ; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 ; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60

6. PENETAPAN GAJI PERMULAAN : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred U19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja yang berkaitan.
7. TEMPOH PERCUBAAN : Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
8. LATIHAN : Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
9. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN : Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda (PTM) dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan
- 10 PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN : Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) memiliki Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (bagi pegawai yang dilantik menggunakan kelayakan diperenggan 1(c)(i);
- (c) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- 11 PERGERAKAN GAJI TAHUNAN : Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- 12 TARAF JAWATAN : **TETAP**

JAWATAN 3 - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) N19

1. (a) Skim Perkhidmatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
 (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
 (d) Gred Jawatan : N 19

2. JADUAL GAJI

Jadual Gaji

Minimum	RM 1,352.00
Maksimum	RM 4,003.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM 100.00
Elaun Tetap Perumahan	RM 300.00
Elaun Tetap Khidmat Awam	RM 115.00

3. SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) warganegara Malaysia
 (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
 (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,352.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,408.40); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19:RM1,464.80); atau

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon hendaklah memiliki KEPUJIAN (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
5. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN : Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan , apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas ; dan
- (b) Had umur pelantikan :
- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun ; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 ; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60
6. PENETAPAN GAJI PERMULAAN : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja yang berkaitan.
7. TEMPOH PERCUBAAN : Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
8. LATIHAN : Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
9. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN : Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda (PTM) dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan
- 10 PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN : Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

- 11 PERGERAKAN GAJI TAHUNAN : Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- 12 TARAF JAWATAN : **TETAP**

JAWATAN 4 - PEMBANTU AWAM H11

1. (a) Skim Perkhidmatan : Pembantu Awam
 (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
 (d) Gred Jawatan : H 11

2. JADUAL GAJI

Jadual Gaji

Minimum	RM 1,218.00
Maksimum	RM 2,939.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM 80.00
Elaun Tetap Perumahan	RM 300.00
Elaun Tetap Khidmat Awam	RM 95.00

3. SYARAT LANTIKAN
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) warganegara Malaysia
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan 3/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM 1,218.00)

(Syarat Tambahan : Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia)

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11:
RM1,264.15)

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
5. PENETAPAN GAJI PERMULAAN : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja yang berkaitan.
6. TEMPOH PERCUBAAN : Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
7. LATIHAN : Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
8. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN : Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda (PTM) dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan
9. PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN : Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- 10 PERGERAKAN GAJI TAHUNAN : Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- 11 TARAF JAWATAN : **TETAP**

JAWATAN 5 - PEMBANTU PENGUAT KUASA KP19

1. (a) Skim Perkhidmatan : Pembantu Penguat Kuasa
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam
(d) Gred Jawatan : KP 19

2. JADUAL GAJI

Jadual Gaji

Minimum	RM 1,360.00
Maksimum	RM 4,052.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM 100.00
Elaun Tetap Perumahan	RM 300.00
Elaun Tetap Khidmat Awam	RM 115.00

3. SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) warganegara Malaysia
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM 1,360.00); atau

- (ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Kontstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur , membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,416.40); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19:RM1,472.80)

dan (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :

- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu ;
- (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI)di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat: dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. TARAF JAWATAN : **KONTRAK**

CARA MEMOHON :

Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati di pejabat Majlis Daerah Simpang Renggam atau dengan memuat turun borang di laman web <http://www.mdsrenggam.gov.my>.

Borang permohonan yang telah **lengkap diisi** hendaklah dihantar kepada:

YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM,
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN,
(BAHAGIAN SUMBER MANUSIA),
86200 SIMPANG RENGAM,
JOHOR

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 28 NOVEMBER 2019

(sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri sampul surat)

Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul berkenaan semasa memohon dan mengembalikan borang-borang permohonan. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan:

- i. salinan kad pengenalan yang telah disahkan
- ii. salinan sijil kelahiran yang telah disahkan
- iii. salinan sijil-sijil persekolahan yang telah disahkan
- iv. 1 keping gambar warna yang terbaru berukuran passport
- v. lain-lain dokumen sokongan yang telah disahkan
- vi. **semua salinan sijil hendaklah disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas**

Permohonan dari pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan /Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 ,Peraturan 18.

Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

Sekian, terima kasih

“KLUANG MAJU SIMPANG RENGAM SEJAHTERA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMMAD SUKRY BIN ABD.RAHIM)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Simpang Renggam